
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HGM 330 – PEMIKIRAN GEOGRAFI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bincangkan TIGA pendekatan kajian geografi yang boleh digunakan bagi memahami kepelbagaian proses dan fenomena yang terdapat dalam sesuatu ruang, tempat dan skala.
[25 markah]
2. Merujuk kepada SATU sub-bidang geografi bincangkan isu-isu penting dalam menentukan reka bentuk penyelidikan yang akan anda jalankan dalam bidang geografi tersebut.
[25 markah]
3. Huraikan TIGA teras utama dalam pembangunan lestari dan jelaskan bagaimana teras-teras tersebut dapat dikaitkan dengan konsep pembangunan ini yang terdiri daripada sistem-sistem biologi, ekonomi dan sosial.
[25 markah]
4. Bincangkan persamaan dan perbezaan pandangan ahli-ahli geografi humanistik iaitu Edward Relph, Yi Fu Tuan, Anne Buttimer dan David Ley tentang makna ruang dan tempat dalam kajian geografi.
[25 markah]
5. Bincangkan kaedah dialektik yang digunakan dalam geografi radikal untuk menjelaskan hubungan sistem pengeluaran dan struktur sosial yang tidak seimbang.
[25 markah]
6. “Geografi pasca-modern menjejaki naratif terselindung di sebalik ruang abad ke 20 dan memberi fokus istimewa kepada konflik ruang dan peminggiran social” (Soja 1989). Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada satu contoh kajian geografi sosial bandar oleh Morshidi Sirat dan Suriati Ghazali (2007).
[25 markah]
7. “Konstruksi sosial dan budaya setempat telah membina individualiti seseorang dan seterusnya menentukan ‘tempat’ mereka dalam ruang produktif dan reproduktif” (McDowel 1993; Mackenzie 1989). Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada penulisan Suriati Ghazali (2007) tentang makna ruang dan tempat wanita di Malaysia.
[25 markah]